

# KERTAS 3 – TINGKATAN 5

# SOALAN DAN SKEMA JAWAPAN

# SELAMAT BERJAYA



## **TINGKATAN 5**

### **KANDUNGAN**

BAB	TAJUK	MS
1	<b>NASIONALISME DI ASIA TENGGARA</b>	
2	<b>NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA</b>	
3	<b>KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA</b>	
4	<b>PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA</b>	
5	<b>PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA YANG MERDEKA</b>	
6	<b>PENGUKUHAN NEGARA DAN BANGSA</b>	
7	<b>SISTEM PEMERINTAHAN DAN PENTADBIRAN NEGARA MALAYSIA</b>	
8	<b>PEMBANGUNAN DAN PERPADUAN UNTUK KESEJAHTERAAN</b>	
9	<b>MALAYSIA DALAM KERJASAMA ANTARABANGSA</b>	

## **BAB 1 : NASIONALISME DI ASIA TENGGARA**

**TERHAD**

### **Tajuk Umum Tugasan**

**Tajuk: 10.1 Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara**

**(Merujuk tema 10 : Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 1 )**

Berdasarkan tajuk di atas calon dikehendaki melaksanakan tugas berikut:-

- I. Membuat rujukan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku ilmiah, akhbar majalah, risalah, internet dan lain-lain.
- II. Pada hari peperiksaan, calon **dibenarkan** membawa masuk **buku teks, buku ilmiah, dan bahan bercetak yang berkaitan ke dalam bilik peperiksaan.**
- III. Bahan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk menjawab soalan.

## Tajuk :10.1 Kemunculan dan perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

(Merujuk tema 10 : Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Ting 5 Bab 1 )

**Soalan : Imperialisme Barat di Asia Tenggara sejak abad ke 16 didorong oleh keinginan untuk mengeksploitasi ekonomi. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah iktibar yang boleh diteladani oleh Malaysia dalam usaha memajukan ekonomi negara.**

*Peringatan:*

*Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.*

Format	Aspek	Perincian	Markah Penuh
<b>Pengenalan</b>	Memahami kehendak tugasannya soalan.	<b>1. Pengenalan</b>  Jelaskan faktor-faktor imperialisme Barat di Asia Tenggara.	5 Markah
<b>Isi dan Huraian</b>	<b>Memahami perubahan sistem politik di Asia Tenggara selepas kedatangan imperialisme Barat</b>	<b>2. Perubahan sistem politik di Asia Tenggara selepas kedatangan imperialisme Barat</b>  Huraikan perubahan sistem politik yang berlaku di negara-negara berikut selepas kedatangan Imperialis Barat:  i) Indonesia ( 10 m ) ii) Filipina ( 10 m ) iii) Indo China ( 10 m )	30 Markah
	<b>Menganalisis pelaksanaan sistem birokrasi Barat di Thailand</b>	<b>3. Perubahan sistem politik di Asia Tenggara</b>  Terangkan pelaksanaan sistem birokrasi Barat yang diperkenalkan oleh pemerintah Thailand	15 Markah
	<b>Mengaplikasi matlamat Malaysia dalam usaha</b>	<b>4. Langkah-langkah ke arah matlamat Malaysia memajukan ekonomi Negara</b>  Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh	15 Markah

	<b>memajukan ekonomi negara</b>	Malaysia dalam usaha untuk memajukan ekonomi negara	
	<b>Menilai kejayaan Malaysia dalam sektor ekonomi</b>	<p><b>5. Kejayaan Malaysia dalam sektor ekonomi di peringkat antarabangsa</b></p> <p>Pada pendapat anda, sejauh mana kejayaan yang di capai oleh Malaysia dalam sektor ekonomi di peringkat antarabangsa</p>	10 Markah
	Mencipta/menjana idea dalam usaha menghadapi cabaran pada abad ke-21 bagi membentuk Malaysia menjadi sebuah negara maju	<p><b>6. Cabaran dan langkah-langkah dalam membentuk Malaysia menjadi Negara maju pada abad ke-21</b></p> <p>i. Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia pada abad ke-21 bagi menjamin kemakmuran ekonomi negara ( 5 m ) ii. Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut ( 5 m )</p>	10 Markah
	Menghayati nilai-nilai murni/iktibar/patriotisme daripada perkembangan ekonomi negara	<p><b>7. Nilai-nilai murni daripada perkembangan ekonomi negara</b></p> <p>Nyatakan nilai-nilai murni atau iktibar yang diperoleh dalam usaha memajukan ekonomi negara diperingkat antarabangsa</p>	10 Markah
<b>Kesimpulan</b>	Merumus secara keseluruhan isi yang telah dibincangkan	<p><b>8. Rumusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan yang diperoleh</li> <li>• Iktibar kepada diri, bangsa dan Negara</li> <li>• Harapan untuk masa depan ekonomi Malaysia yang lebih cemerlang</li> </ul>	5 Markah

## Tajuk :10.1 Kemunculan dan perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

### Peraturan Pemarkahan

**Soalan: Imperialisme Barat di Asia Tenggara sejak abad ke 16 didorong oleh keinginan untuk mengeksplorasi ekonomi. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah iktibar yang boleh diteladani oleh Malaysia dalam usaha memajukan ekonomi negara.**

Soalan	Isi dan Huraian	Markah
1.	<p><b>Pengenalan</b> <b>Jelaskan faktor-faktor Imperialisme Barat di Asia Tenggara</b></p> <p>F1 kedudukan Asia Tenggara yang strategik, F2 terletak antara China dan India F3 menjamin pasaran yang luas kerana penduduk ramai F4 tanahnya yang subur F5 kaya dengan bahan mentah F6 bijih timah di Tanah Melayu, Indonesia dan Thailand F7 Revolusi perindustrian F8 sektor industri di Eropah memerlukan bahan mentah secara konsisten F9 kemajuan dalam sistem pengangkutan F10 kapal berkuasa wap F11 membolehkan membawa muatan yang lebih banyak F12 mempercepatkan perjalanan timur dan barat F13 pembukaan Terusan Suez F14 memendekkan jarak perjalanan F15 Perjalanan selamat F16 menjimatkan kos F17 perhubungan penciptaan telegraf F18 kuasa imperialis dapat memberi arahan kepada pegawai di tanah jajahan dengan lebih cepat dan berkesan F19 ahli perniagaan di Barat dapat berhubung dengan wakil mereka di Timur F20 urusan perniagaan menjadi lebih mudah dan perdagangan antarabangsa menjadi lebih pesat F21 persaingan kuasa-kuasa Barat F22 semakin luas tanah jajahan semakin tinggi sanjungan yang di peroleh F23 keluasan tanah jajahan juga melambangkan kekuatan dankekayaan kuasa Barat F24 slogan “Beban orang putih dan Tugas menyebarkan tamadun” F25 Penyebaran agama Kristian</p>	5 Markah

<p>2. <b>Huraikan perubahan sistem politik yang berlaku di negara berikut selepas kedatangan Imperialisme Barat :</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Indonesia</li> <li>ii) Filipina</li> <li>iii) Indo China</li> </ul> <p><b>Indonesia</b></p> <p>F1 Indonesia dibahagikan kepada 2 pentadbiran  F2 pentadbiran pusat diketuai oleh Gabenor Jeneral  F3 pentadbiran tempatan di kendalikan oleh pembesar tempatan  F4 dengan pengawasan pegawai Belanda  F5 penubuhan jabatan kerajaan  F6 seperti Jabatan Pelajaran/ Jabatan Pertanian  F7 penubuhan Dewan Tempatan  F8 sebagai badan penasihat pentadbiran Belanda  F9 tiada kuasa perundangan  F10 penubuhan Volksraad ( Majlis Rakyat)  F11 sebagai langkah kearah kemerdekaan  F12 hasil desakan Sarekat Islam</p> <p><b>Filipina</b></p> <p>F1 Sepanyol memperkenalkan sistem pentadbiran berpusat  F2 peringkat pusat di ketuai oleh Gabenor Jeneral  F3 pentadbiran wilayah di ketuai oleh Datuk Bandar  F4 Bandar diketuai oleh Gabenor Kecil  F5 pentadbiran tempatan mengikut sistem Encomienda  F6 pemerintah Encomeinda itu di kenali sebagai Encomeindero  F7 tugas Encomeindero ialah menjaga keamanan  F8 mengutip cukai  F9 mengkristiankan penduduk barangay  F10 penduduk Filipina benci sistem ini kerana cukai yang tinggi  F11 kerahan tenaga</p> <p><b>Indo China</b></p> <p>F1 perubahan pentadbiran oleh birokrasi Perancis  F2 diketuai oleh Gabenor Jeneral  F3 bertanggungjawab terus kepada Kementerian Tanah Jajahan di Paris  F4 Peringkat wilayah jajahan/ naungan diketuai oleh Leftenen Gabenor  F5 Dibantu oleh Residen Jeneral  F6 Dibantu oleh Residen Wilayah  F7 Perancis juga membentuk kerajaan pusat iaitu Union IndoChinoise (1887)</p>	<p>30</p> <p>Markah</p>
---	-------------------------

	<p>F8 merupakan persekutuan IndoChina</p> <p>F9 terdiri daripada Vietnam dan Kemboja</p> <p>F10 disertai Laos (1904)</p> <p>F11 rang undang-undang di IndoChina diluluskan oleh Parlimen Perancis</p> <p>F12 kerajaan pusat tidak campur pentadbiran tempatan</p> <p>F13 perlu bayar cukai</p> <p>F14 menyediakan kerahan tenaga</p>	
3.	<p><b>Terangkan keistimewaan Sistem Birokrasi Barat yang diperkenalkan sendiri oleh pemerintah Thailand</b></p> <p>F1 diperkenalkan oleh Raja Mongkut</p> <p>F2 melantik 80 orang penasihat Barat</p> <p>F3 mengetuai pelbagai jabatan</p> <p>F4 melatih pegawai tempatan</p> <p>F5 penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dari Britain</p> <p>F6 penasihat kastam dari Amerika Syarikat</p> <p>F7 ketenteraan dari Perancis</p> <p>F8 diperkenalkan oleh Raja Chulalongkorn</p> <p>F9 memperkenalkan Majlis Penasihat Rendah</p> <p>F10 Majlis Mesyuarat Tertinggi</p> <p>F11 sebagai badan penasihat Raja dalam pentadbiran</p> <p>F12 Kabinet Menteri</p> <p>F13 terdiri daripada golongan bangsawan yang berpendidikan Barat</p> <p>F14 mengetuai kementerian</p> <p>F15 juruaudit Britain berkhidmat dalam pertubuhan negara</p> <p>F16 kemunculan golongan baharu</p> <p>F17 pentadbir yang mempunyai kedudukan dalam birokrasi moden</p> <p>F18 berdasarkan tahap pendidikan mereka</p> <p>F19 pengenalan sistem raja berperlembagaan</p> <p>F20 menggantikan sistem raja berkuasa mutlak</p> <p>F21 pemodenan pentadbiran berjaya mengekalkan kemerdekaan Thailand</p>	15 Markah
4.	<p><b>Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia dalam usaha untuk memajukan ekonomi negara.</b></p> <p>F1 melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan</p> <p>F2 menguasai pelbagai kemahiran</p> <p>F3 menjamin keamanan Negara</p> <p>F4 mengekalkan kedaulatan Negara</p>	15 Markah

	<p>F5 mengukuhkan perpaduan kaum</p> <p>F6 kreatif dan inovatif</p> <p>F7 menggalakkan pelaburan asing</p> <p>F8 memajukan kemudahan infrastruktur</p> <p>F9 menambah bilangan tenaga mahir</p> <p>F10 meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan</p> <p>F11 mengurangkan karenah birokrasi</p> <p>F12 memberikan bantuan modal kepada golongan petani/ pengusaha</p> <p>F13 memperluas kredit dan insentif melalui Bank Pertanian Malaysia/ Skim pinjaman khas Pertanian/ Amanah Ikhtiar Malaysia</p> <p>F14 meluaskan pasaran/ mencari pasaran baru</p> <p>F15 melakukan penyelidikan dan pembangunan</p> <p>F16 mempereratkan hubungan diplomatik</p> <p>F17 mengadakan pertukaran teknologi dengan negara maju</p> <p>F18 menjadikan negara hub halal</p> <p>F19 mempelbagaikan hasil pengeluaran pertanian/ perindustrian</p> <p>F20 menambah bilangan institusi pengajian tinggi</p> <p>F21 memperkasa peranan FELDA/FELCRA/FAMA</p> <p>F22 penubuhan Perbadanan Industri Berat Malaysia/HICOM <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	
5.	<p><b>Pendapat anda ,sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Malaysia dalam sektor ekonomi di peringkat antarabangsa</b></p> <p><b>Bidang perindustrian</b></p> <p>F1 penubuhan perbadanan industri berat negara</p> <p>F2 kawasan perusahaan baru di buka spt. Skudai, Senawang, Bintulu</p> <p>F3 Zon Perdagangan Bebas</p> <p>F4 pembangunan wilayah pembangunan ekonomi</p> <p>F5 Koridor Raya Multimedia</p> <p>F6 sektor perkilangan lebih giat</p> <p><b>Pertanian</b></p> <p>F1 pengeluar komoditi utama dunia</p> <p>F2 penggunaan bioteknologi</p> <p>F3 pertanian adalah perniagaan</p> <p>F4 peranan agensi penyelidikan</p> <p>F5 wujudnya zon pengeluaran buah-buahan</p> <p>F6 zon industri akuakultur</p> <p>F7 taman kekal pengeluaran pertanian</p> <p>F8 teknologi pertanian</p>	10 Markah

	<p>F9 pasaran luas diperingkat antarabangsa  F10 pelopor hub halal  F11 memperkenalkan jenama Malaysia BEST  F12 pengeluaran biofuel minyak sawit</p> <p><b>Perlombongan</b></p> <p>F1 perlombongan petrokimia  F2 pelaburan dalam petroleum di luar Negara</p> <p><b>Pengangkutan/Perhubungan</b></p> <p>F1 pengangkutan tambang murah  F2 industri maritim  F3 perkhidmatan cemerlang peringkat dunia</p> <p><b>Pelancongan</b></p> <p>F1 bandar warisan dunia  F2 pengiktirafan UNESCO  F3 Le tour de Langkawi  F4 panganjuran hoki Piala Remaja ASEAN  <b>(Mana-mana yang munasabah)</b></p>	
6.	<p><b>Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia bagi menjamin kemakmuran ekonomi negara.</b></p> <p><b>Cabarani : ( 5m )</b></p> <p>F1 kurang modal  F2 ketidakstabilan nilai mata wang  F3 kejatuhan pasaran saham  F4 masalah menarik pelaburan asing  F5 kurang teknologi moden  F6 masih bergantung kepada teknologi luar  F7 kurang benih bermutu tinggi  F8 saiz ladang bersaiz kecil  F9 pengurusan tidak cekap  F10 persaingan dengan negara maju  F11 mendapatkan pengiktirafan negara-negara maju  F12 tembusi pasaran antrabangsa  F13 pasaran terhad  F14 kurang tenaga buruh berpengetahuan</p>	10 Markah

	<p>F15 mengharapkan tenaga buruh asing  F16 tenaga buruh mahir bekerja di negara luar</p> <p><b>Langkah-langkah mengatasi cabaran ( 5m )</b></p> <p>F1 menguasai pelbagai ilmu pengetahuan  F2 menguasai teknologi terkini  F3 kembangkan penyelidikan dan pembangunan  F4 mendapatkan pendaftaran paten  F5 pelbagaikan produk yang diekspot  F6 mengukuhkan sistem kewangan negara  F7 hasilkan produk berkualiti  F8 tingkatkan kualiti barang  F9 luaskan pasaran baru  F10 laksanakan e-dagang  F11 perhebatkan promosi hasil keluaran  F12 penambahbaikankemudahan asas  F13 penggunaan teknik moden  F14 melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi  F15 mengukuhkan sistem kewangan negara  F16 melaksanakan pengurusan lebih cekap  F17 membentuk modal insan kelas pertama  F18 melahirkan warga patriotik  F19 merealisasikan konsep 1 Malaysia  F20 berfikiran terbuka  <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	
7.	<p><b>Nilai-nilai murni /iktibar /patriotisme</b></p> <p>F1 mengukuhkan kerjasama  F2 memupuk perpaduan  F3 kegigihan berkerja  F4 meningkatkan jatidiri  F5 kebijaksanaan pemimpin  F6 berdaya saing  F7 memiliki tanggungjawab bersama  F8 amanah dalam melaksanakan tugas  F9 berani mengambil risiko  F10 cekal menghadapi rintangan  F11 bijak manfaatkan sumber  F12 cekap mengambil peluang  F13 bersyukur  <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	10 Markah

<p>8.</p> <p><b>Rumusan</b></p> <p><b>pengetahuan yang diperoleh</b></p> <p>F1 tingkatkan pendidikan / ilmu pengetahuan  F2 jangan terpedaya kuasa asing  F3 mantapkan jati diri  F4 meningkatkan ekonomi  F5 kestabilan politik  F6 keharmonian rakyat</p> <p><b>Iktibar kepada diri bangsa dan Negara</b></p> <p>F1 belajar bersungguh-sungguh  F2 tidak mudah terpengaruh dengan kuasa asing.  F3 keharmonian/bersatu padu  F4 hormati pemimpin  F5 taat kepada negara  F6 berusaha untuk mempertahankan kemerdekaan Negara  F7 sanggup berjuang mempertahankan Negara</p> <p><b>Harapan untuk masa depan ekonomi Malaysia yang lebih cemerlang</b></p> <p>F1 berusaha bersungguh-sungguh  F2 bersatu padu  F3 berdaya saing untuk kemajuan ekonomi  F4 kreatif dan inovatif  F5 berusaha untuk mempertahankan kemerdekaan Negara  F6 sanggup berjuang mempertahankan Negara  <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	<p>5</p> <p>Markah</p>
--	------------------------

**Tajuk Umum Tugasan**

**Tajuk 10.3 : Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia**

**(Merujuk tema 10 : Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 1 )**

Berdasarkan tajuk di atas calon dikehendaki melaksanakan tugasan berikut:-

- I. Membuat rujukan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku ilmiah, akhbar majalah, risalah, internet dan lain-lain.
- II. Pada hari peperiksaan, calon **dibenarkan** membawa masuk **buku teks, buku ilmiah, dan bahan bercetak yang berkaitan ke dalam bilik peperiksaan.**
- III. Bahan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk menjawab soalan.

**Tajuk 10.3 : Kemunculan Dan Perkembangan Nasionalisme Sehingga Perang Dunia Kedua**

(Merujuk tema 10 : Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 1)

**Soalan : Jelaskan kemunculan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara dan kaitannya dalam meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda hari ini.**

*Peringatan:*

*Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.*

Format	Aspek	Perincian	Markah Penuh
Pengenalan	<b>Memahami maksud nasionalisme Barat di Asia Tenggara</b>	<p><b>1. Pengenalan</b> Jelaskan maksud nasionalisme?</p>	5 Markah
Isi dan Huraian	<b>Menjelaskan faktor-faktor nasionalisme Barat di Asia Tenggara</b>	<p><b>2. Faktor-faktor kemunculan nasionalisme masih mempunyai persamaan.</b> Nyatakan faktor-faktor yang mencetuskan gerakan nasionalisme tersebut?</p>	30 Markah
	<b>Menganalisis tahap nasionalisme Barat di Asia Tenggara</b>	<p><b>3. Perkembangan nasionalisme di Asia tenggara.</b> Perkembangan nasionalisme di Asia Tenggara pada umumnya dibahagikan kepada dua tahap. Nyatakan tahap nasionalisme di Indonesia dan Filipina</p>	15 Markah
	<b>Mengaplikasi matlamat konsep 1 Malaysia</b>	<p><b>4. Langkah ke arah melahirkan konsep 1 Malaysia.</b> Sebagai warganegara yang cintakan bangsa dan negara bagaimanakah kita boleh melahirkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia?</p>	15 Markah

	<b>Menilai sejauh mana kejayaan negara melalui semangat kekitaan</b>	<p><b>5. Kejayaan yang dicapai oleh Malaysia hasil semangat kekitaan.</b></p> <p>Buktikan kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia hasil daripada semangat kekitaan tersebut.</p>	10 Markah
	<b>Menjana idea dalam usaha negara Malaysia mengekalkan kedaulatan negara.</b>	<p><b>6. Cabaran dan langkah dalam menjayakan konsep 1Malaysia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jelaskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha memupuk semangat kekitaan.(5 markah)</li> <li>ii. Cadangkan langkah-langkah untuk memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia. (5 markah)</li> </ul>	10 Markah
	<b>Menghayati nilai-nilai murni/ ikhtibar dan semangat patriotisme ke arah merealisasikan konsep 1 Malaysia.</b>	<p><b>7. Nilai-nilai murni dalam usaha mengekalkan kedaulatan negara.</b></p> <p>Sebagai seorang warganegara Malaysia bagaimanakah anda menunjukkan semangat cinta kepada bangsa dan negara?</p>	10 Markah
Kesimpulan	<b>Merumus secara keseluruhan isi yang telah dibincangkan</b>	<p><b>8. Rumusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan yang diperoleh</li> <li>• Ikhtibar kepada diri, bangsa dan negara</li> <li>• Harapan untuk masa depan Malaysia yang cemerlang.</li> </ul>	5 Markah

*Peraturan Pemarkahan*

**Soalan:** **Jelaskan kemunculan gerakan nasionalisme di Asia Tenggara dan kaitannya dalam menanam semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda pada hari ini.**

<b>Soalan</b>	<b>Isi dan Huraian</b>	<b>Markah</b>
1.	<p><b>Maksud Nasionalisme</b></p> <p>F1 Perasaan cinta akan bangsa dan negara  F2 Gerakan membebaskan tanah air  F3 Tidak terhad kepada pembebasan kuasa politik sahaja  F4 Pembebasan daripada cengkaman ekonomi  F5 Pembebasan daripada cengkaman kebudayaan asing</p>	5 Markah
2.	<p><b>Faktor yang mencetuskan gerakan nasionalisme di AT</b></p> <p>F1 Sistem pendidikan  F2 Penjajah mengamalkan pilih kasih  F3 Menyediakan kemudahan pendidikan  F4 Mengutamakan sekolah bahasa pengantar penjajah  F5 Memberi pendidikan rendah sahaja  F6 Terhad kepada golongan elit dan pendudukan bandar  F7 Di Indonesia anak priyayi diberi pendidikan tersendiri  F8 Diasingkan daripada anak orang kebanyakan  F9 Sikap pilih kasih Belanda bertujuan memecah perpaduan rakyat  F10 Pendidikan sekular dan pendidikan mubaligh mengancam sekolah Buddha di Burma  F11 Di Tanah Melayu lepasan sekolah vernakular sukar mendapat pekerjaan berbanding sekolah Inggeris  F12 Kemunculan golongan Intelektual  F13 Golongan yang melanjutkan pelajaran di Barat dan Asia Barat  F14 Mereka didedahkan dengan idea falsafah Barat dan Islam  F15 Pengalaman di luar negara menyedarkan penjajah tidak mentadbir tanah jajahan seperti mentadbir negara mereka  F16 Memimpin gerakan nasionalisme setelah kembali ke tanah air  F17 Peringkat awal menuntut peningkatan taraf hidup bangsa  F18 Akhirnya meninta penjajah membebaskan negara mereka  F19 Dasar penjajahan Barat  F20 Timbul perasaan tidak puas hati rakyat  F21 Sistem birokrasi Barat tidak memberi peluang rakyat tempatan dalam pentadbiran moden  F22 Rakyat tempatan kekal dalam ekonomi tradisional</p>	30 Markah

	<p>F23 Dasar ekonomi menindas penduduk pribumi</p> <p>F24 Seperti sistem tanaman paksa di Indonesia dan sistem Polo di Filipina</p> <p>F25 Pengaruh agama</p> <p>F26 Agama menyatukan rakyat menghadapi penindasan budaya Barat dan agama Kristian</p> <p>F27 Gerakan Islah di Indonesia dan di Tanah Melayu</p> <p>F28 Persatuan Belia Buddha di Burma</p> <p>F29 Golongan agama menjadi pencetus nasionalisme</p> <p>F30 Gerakan Islah memperjuangkan Pan Islamisme</p> <p>F31 Penganut agama Kristian tempatan dianggap kelas kedua</p> <p>F32 Berbanding penganut Kristian berbangsa Sepanyol</p> <p>F33 Karya kesusasteraan</p> <p>F34 Menyampaikan mesej kesengsaraan</p> <p>F35 Kekecewaan terhadap penjajah</p> <p>F36 Membangkitkan kesedaran bangsa dan cinta akan tanah air</p> <p>F37 Karya di Filipina</p> <p>F38 Novel Noli Me Tangere Karya Jose Rizal</p> <p>F39 Pengaruh Media Massa</p> <p>F40 Akhbar dan majalah menyebarkan idea nasionalisme</p> <p>F41 Menanam perasaan anti penjajah kepada rakyat</p> <p>F42 Di Vietnam. Tribune Indigene dan Cloche Felle merupakan akhbar berpengaruh</p> <p>F43 Di Tanah Melayu akhbar seperti al- Ikhwan, Saudara, Majlis dan Warta Malaya</p> <p>F44 Penjajah menganggap media massa mengancam politik mereka di Tanah jajahan</p> <p>F45 Bertentangan dengan kebebasan akhbar di negara mereka sendiri</p> <p>F46 Pengaruh luar</p> <p>F47 Kejayaan Jepun menewaskan China dan Rusia</p> <p>F48 Membuktikan negara kecil mengalahkan negara besar</p> <p>F49 Perjuangan Mahatma Gandhi memberi inspirasi</p> <p>F50 Gandhi bersikap sederhana dalam membina rakyat dan menuntut kemerdekaan</p> <p>F51 Menggunakan strategi enggan bekerjasama dan mogok latar</p> <p>F52 Gandhi ditangkap dan dipenjara oleh British</p> <p>F53 Perkembangan dalam sistem pengangkutan dan perhubungan</p> <p>F54 Telefon dan telegraf memudahkan hubungan dalam kalangan nasionalis</p> <p>F55 Jalan keretapi dan jalanraya menghubungkan kawasan yang terpisah</p> <p>F56 Memudahkan rakyat dan pemimpin bertemu dan berbincang</p>	
--	--	--

3.	<p><b>i) Ciri-ciri nasionalisme mengikut tahap:</b></p> <p>F1      Tahap Pertama  F2      Penentangan secara terbuka  F3      Bersifat setempat  F4      Isu pencetus seperti budaya agama, dan hak pribumi  F5      Dipimpin golongan pertengahan berpendidikan Barat dan Asia  Barat  F6      Menekankan kesedaran politik  F7      Menuntut hak dan taraf hidup rakyat dibaiki  F8      Tidak meminta kemerdekaan  F9      Nasionalisme lebih sederhana  F10     Perpaduan bangsa  F11     Tiada organisasi  F12     Mengutamakan pendidikan  F13     Perjuangan gagal  F14     Tahap Kedua  F15     Lebih radikal  F16     Dipimpin oleh golongan berpendidikan Barat  F17     Menuntut kemerdekaan  F18     Membentuk kerajaan sendiri yang berdaulat  F19     Melalui pertubuhan/ parti politik  F20     Lebih menyeluruh/ melibatkan satu negara  F21     Bersifat politik</p> <p><b>ii) Perkembangan nasionalisme mengikut tahap:</b></p> <p><b>Tahap pertama (Filipina)</b></p> <p>F1      Dikenali sebagai gerakan dakyah  F2      Dipimpin oleh Jose Rizal  F3      Disokong golongan pertengahan berpendidikan Barat  F4      Menuntut Filipina dijadikan wilayah Sepanyol  F5      Bangsa Filipina diberi hak yang sama seperti bangsa Sepanyol  F6      Diberi kebebasan bersuara  F7      Menubuhkan Liga Filipina  F8      Bersifat sederhana  F9      Bertujuan mendesak Sepanyol supaya membuat pembaharuan politik, ekonomi dan sosial  F10     Sepanyol terancam  F11     Jose Rizal ditangkap dan dibuang negeri ke Dapitan di Mindanao  F12     Dibunuh atas tuduhan terlibat dalam gerakan pemberontakan</p>	15 Markah

	<p><b>Tahap Kedua (Filipina)</b></p> <p>F13 Katipunan ditubuhkan oleh Andres Bonifacio  F14 Penentangan secara radikal  F15 Matlamatnya menyatukan bangsa Filipina mencapai kemerdekaan melalui revolusi  F16 Katipunan menggunakan media cetak menyebarluaskan fahaman revolusi  F17 Kalayan akhbar rasmi  F18 Melancarkan revolusi bersenjata tetapi gagal  F19 Katipunan semakin lemah selepas Bonifacio dihukum mati oleh Emilio  F20 Bersama Andres Bonifacio melancarkan pemberontakan  F21 Dilantik sebagai Presiden Kerajaan Revolusi Filipina 1897  F22 Aquinaldo bekerjasama dengan AS  F23 Berjaya mengusir Sepanyol  F24 Kesannya AS menguasai Filipina  F25 Aquinaldo mengisyiharkan kemerdekaan tetapi tidak disahkan oleh AS  F26 Akhirnya Aquinaldo ditangkap  F27 AS membenarkan parti-parti politik sederhana  F28 Sergio Osmena mengetuai Dewan Perhimpunan setelah memenangi pilihanraya  F29 Nasionalis Filipina menuntut kemerdekaan melalui perlembagaan</p> <p><b>Tahap pertama ( Indonesia)</b></p> <p>F30 Tumpuan terhadap isu pendidikan  F31 Raden Adjeng Kartini memajukan pendidikan untuk kaum wanita  F32 Karya Habis Gelap Terbitlah Terang dan Penulisan Seorang Puteri Jawa  F33 Mendedahkan kemunduran rakyat Indonesia dan penindasan Belanda  F34 Memberi inspirasi kepada pejuang selepasnya  F35 Muhammadiyah satu pertubuhan menyebarluaskan Islam yang sebenar  F36 Menghindari ancaman sekularisme Barat serta agama Kristian</p>	
--	--	--

	<p>F36 Banyak membina sekolah, klinik dan masjid</p> <p><b>Tahap Kedua (Indonesia)</b></p> <p>F37 Memperlihatkan perjuangan parti-parti politik radikal  F38 Sarekat Islam, Parti Komunis Indonesia, Parti Nasional Indonesia  F39 Lantang menuntut kemerdekaan Indonesia melalui cara kekerasan  F40 PNI pemimpinan Sukarno mempengaruhi rakyat Indonesia</p> <p>F41 Pemimpin yang radikal seperti Sukarno ditangkap  F42 PNI diharamkan</p>	
4.	<p><b>Cara melahirkan semangat kekitaan dalam kalangan rakyat Malaysia</b></p> <p>F1 Fasih berbahasa Melayu  F2 Menghayati kebudayaan kebangsaan  F3 Mengikut sistem pendidikan yang sama  F4 Setia kepada Raja dan Negara  F5 Menghayati Rukunegara  F6 Merealisasikan wawasan 2020  F7 Menyanyikan Lagu Kebangsaan dengan penuh semangat  F8 Menghormati lambang-lambang negara  F9 Mematuhi undang-undang negara  F10 Mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara  F11 Kebebasan beragama dihormati  F12 Meraikan hari perayaan bersama  F13 Berbangga sebagai bangsa Malaysia  F14 Mengamalkan konsep 1 Malaysia dalam kehidupan  F15 Bersemangat Malaysia Boleh  F16 Mematuhi perlombagaan negara  F17 Menghormati pemimpin-pemimpin negara  F18 Menyokong dasar-dasar negara  F19 Saling menghormati antara kaum  <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	15 Markah
5.	<p><b>Bukti kejayaan hasil semangat kekitaan</b></p> <p>F1 Pasukan Malaysia memenangi acara sukan di peringkat antarabangsa  F2 Meningkatkan imej negara dalam dan luar negara  F3 Memastikan negara aman dan hidup bersatu padu  F4 Mengibar bendera negara semasa sambutan Hari Kemerdekaan</p>	10 Markah

	<p>F5 Menghormati dan menghayati Lagu Kebangsaan</p> <p>F6 Memberi sumbangan dalam pembangunan negara</p> <p>F7 Membeli barang buatan Malaysia</p> <p>F8 Menyokong Skuad Badminton/ Harimau Malaya/ Pasukan negara</p> <p>F9 Bersama meraikan sambutan perayaan seperti Rumah Terbuka Malaysia</p> <p>F10 Mendorong semangat Malaysia Boleh</p> <p>F11 Menyokong perjuangan pemimpin tempatan</p> <p>F12 Menghayati dan menghargai kemerdekaan negara</p> <p>F13 Kejayaan pelayar negara Dato' Azhar Mansor</p> <p>F14 Dato' Abdul Malik Mydin berjaya menyeberangi Selat Inggeris</p> <p>F15 Kejayaan Mohandas dan Magendran mendaki Gunung Everest</p> <p>F16 Dato' Nicole David meraih kejayaan dalam sukan skuasy</p> <p>F17 Shalin Zulkifli menempa nama dalam sukan bowling</p> <p>F18 Dato' Lee Chong Wei muncul sebagai pemain nombor satu dunia dalam sukan badminton</p> <p>F19 Dato' Maznah Zulkifli berjaya ke kutub Utara</p> <p>F20 Dato' Sheikh Muzaffar angkasawan pertama negara <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	
6	<p><b>Cabaran memupuk semangat kekitaan</b></p> <p>F1 Pengaruh budaya luar</p> <p>F2 Perkembangan dunia teknologi</p> <p>F3 Globalisasi</p> <p>F4 Jurang ekonomi antara kaum</p> <p>F5 Sentimen perkauman</p> <p>F6 Menyentuh sensitiviti masyarakat</p> <p>F7 Peningkatan kadar jenayah</p> <p>F8 Kurang melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan</p> <p>F9 Keruntuhan akhlak masyarakat</p> <p>F10 Nilai-nilai kemanusiaan semakin hilang <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p> <p><b>Langkah memupuk semangat nasionalisme (5m)</b></p> <p>F1 Sambutan Hari Kemerdekaan</p> <p>F2 Kempen mencintai negara</p> <p>F3 Menerusi dalam matapelajaran Sejarah</p> <p>F4 Diterap dalam matapelajaran Sivik dan Kewarganegaraan</p> <p>F5 Penyertaan program sukarelawan</p> <p>F6 Mengadakan pameran berkaitan sejarah negara</p> <p>F7 Lawatan ke Memorial seperti Memorial Tunku Abdul Rahman</p> <p>F8 Menerbitkan buku tentang tokoh kebanggaan negara</p>	10 Markah

	<p>F9 Iklan patriotik dalam media massa  F10 Memperbanyakkan lagu-lagu patriotik  F11 Menubuhkan kelab penyokong sukan  F12 Aktiviti sosial seperti gotong royong/ Rukun Tetangga  F13 Memantapkan pasukan keselamatan  F14 Mempertingkatkan peralatan ketenteraan  <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	
7	<p><b>Penerapan nilai-nilai murni/iktibar/patriotisme</b></p> <p>F1 Semangat cinta akan negara  F2 Berjuang menegakkan kedaulatan negara  F3 Taat kepada pemimpin  F4 Sanggup berjuang  F5 Berani menentang musuh  F6 Setia kepada negara  F7 Berilmu pengetahuan  F8 Bekerjasama  F9 Berdisiplin  F10 Berpandangan jauh  F11 Patriotik  F12 Berkeyakinan tinggi  F13 Tidak mementingkan diri sendiri  <b>(mana-mana yang munasabah)</b></p>	10 Markah
8	<p><b>Rumusan/ Ilmu pengetahuan/ iktibar/ harapan</b></p> <p>F1 Pentadbiran kerajaan penjajah mengamalkan diskriminasi dan penindasan  F2 Perjuangan para nasionalis perlu mempunyai semangat juang yang kental, keberanian serta pengorbanan yang tinggi  F3 Perlu mempunyai perpaduan, kebijaksanaan bagi mencapai kejayaan dalam sesuatu perjuangan  F4 Kita seharusnya menghargai perjuangan nasionalis silam dengan berusaha mempertahankan dan mengekalkan kemerdekaan negara serta mengisi kemerdekaan  F5 Menjadi sebuah negara contoh yang berjaya mengekalkan keamanan walaupun mempunyai penduduk yang berbilang kaum</p>	5 Markah

## **BAB 2 : NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA**

**Terhad**

**Tajuk Umum Tugasan**

### **TAJUK : GERAKAN NASIONALISME SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA**

**Tema / Tajuk : 10.2 Bab 2 Tingkatan 5**

(Merujuk tema 10 Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks sejarah Tingkatan 5 bab 2)

Berdasarkan tajuk di atas calon dikehendaki melaksanakan tugasan berikut:-

- I. Membuat rujukan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku ilmiah, akhbar, majalah, risalah, internet dan lain-lain.
- II. Pada hari peperiksaan, calon dibenarkan membawa masuk buku teks, buku ilmiah, dan bahan bercetak yang berkaitan ke dalam bilik peperiksaan.
- III. Bahan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk menjawab soalan.

## Tajuk 10.2 : GERAKAN NASIONALISME SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA.

Tema / Tajuk : 10.2 Bab 2 Tingkatan 5

Soalan:

**Gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua telah membantu mempercepatkan usaha mencapai kemerdekaan negara. Jelaskan usaha yang boleh anda lakukan bagi menyemai semangat nasionalisme dikalangan rakyat dan mengekalkan kemerdekaan negara kita.**

*Peringatan;*

*Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.*

Format	Aspek	Perincian	Markah Penuh
Pengenalan	<b>Memahami latar belakang gerakan nasionalisme Perang Dunia kedua</b>	<b>1. Pengenalan</b> Jelaskan secara ringkas tentang latar belakang gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua.	5 markah
Isi dan Huraian	<b>Memahami faktor-faktor pemungkinan nasionalisme</b>	<b>2. Memahami faktor-faktor pemungkinan nasionalisme.</b> Terangkan faktor-faktor pemungkinan nasionalisme. i. Sistem Pendidikan (10m ) ii. Dasar British (10m ) iii. Pendudukan Jepun (10m ) iv.	30 markah
	<b>Menganalisis perkembangan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu</b>	<b>3. Perkembangan gerakan nasionalisme terhadap kesedaran semangat nasionalisme penduduk di Tanah Melayu.</b> Terangkan peranan Gerakan Islah terhadap kesedaran nasionalisme penduduk di Tanah Melayu.	15 markah

	<b>Mengaplikasi faktor-faktor pemungkinan nasionalisme terhadap perpaduan negara</b>	<p>4. <b>Langkah-langkah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai perpaduan yang kukuh dalam menyatukan masyarakat yang berbilang kaum.</b> Bagaimanakah cara untuk memupuk semangat patriotisme kepada rakyat Malaysia?</p>	15 markah
	<b>Menilai peranan kerajaan Malaysia dalam mengekalkan kemerdekaan Negara kita?</b>	<p>5. <b>Peranan kerajaan Malaysia dalam mengekalkan kemerdekaan Negara kita.</b> Berdasarkan pengetahuan anda, jelaskan peranan kerajaan Malaysia dalam mengekalkan kemerdekaan Negara kita?</p>	10 markah
	<b>Mencipta / menjana idea usaha-usaha Malaysia ke arah menghadapi cabaran di abad ke 21 bagi menjamin kemakmuran negara</b>	<p>6. <b>Cabaran dan langkah menghadapi cabaran pada abad ke 21.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jelaskan cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam usaha menyemai semangat nasionalisme dikalangan remaja. (5m)</li> <li>ii. Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut. (5m)</li> </ul>	10 markah
	<b>Menghayati nilai-nilai murni / iktibar/ patriotisme amalan semangat perpaduan antara kaum di negara kita.</b>	<p>7. <b>Penerapan nilai-nilai murni / iktibar/ patriotisme amalan semangat perpaduan antara kaum di negara kita.</b> Nyatakan nilai-nilai murni atau iktibar yang diperolehi daripada semangat perpaduan antara kaum di negara kita.</p>	10 markah

Kesimpulan	<b>Merumus secara keseluruhan isi yang telah dibincangkan</b>	<p><b>8. Rumusan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengetahuan yang diperoleh</li> <li>• Iktibar kepada diri, bangsa dan negara</li> <li>• Harapan untuk masa depan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian.</li> </ul>	5 markah
------------	---	---	----------

*Peraturan pemarkahan Tingkatan 5 Bab 2*

Soalan:

**Gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua telah membantu mempercepatkan usaha mencapai kemerdekaan negara. Jelaskan usaha yang boleh anda lakukan bagi menyemai semangat nasionalisme dan mengekalkan kemerdekaan negara kita.**

Soalan	Isi dan Huraian	Markah
1	<p><b>Pengenalan</b></p> <p><b>Jelaskan secara ringkas tentang Gerakan nasionalisme sehingga perang dunia kedua</b></p> <p>F1 British berjaya menjajah Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak  F2 Semangat penduduk tempatan  F3 Menentang penjajahan  F4 Membaiki diri dalam bidang pendidikan  F5 Membaiki diri dalam bidang ekonomi  F6 Melalui persatuan negeri  F7 Melalui badan sosial yang ditubuhkan</p>	5
2	<p><b>Terangkan faktor-faktor pemangkin nasionalisme.</b></p> <p>F1 Sistem pendidikan Inggeris  F2 Sekolah vernakular Melayu  F3 Diperkenalkan pada akhir abad ke-19  F4 Melahirkan golongan intelektual Melayu  F5 Mampu berfikir tentang kemajuan bangsa  F6 Sumbangan tenaga  F7 Sumbangan fikiran  F8 Menyedarkan bangsa Melayu  F9 Menggunakan idea baru  F10 Memajukan diri  F11 Menolak penjajahan British  F12 Menggalakan sesiapa sahaja datang  F13 Melabur  F14 Berniaga  F15 Berdagang  F16 Bekerja  F17 Menetap di Tanah Melayu  F18 Ramai orang asing menetap di Tanah Melayu  F19 Kemasukan orang asing meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu  F20 Menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan</p>	30

	<p>F21 Mereka menguasai ekonomi Tanah Melayu</p> <p>F22 Perlombongan bijih timah</p> <p>F23 Perladangan getah</p> <p>F24 Perniagaan</p> <p>F25 Orang Melayu kekal sebagai petani</p> <p>F26 British membuka bandar sebagai pusat pentadbiran</p> <p>F27 Orang Melayu tinggal di kampung-kampung</p> <p>F28 Kemajuan prasarana</p> <p>F29 Contoh elektrik/ perkhidmatan pos/telefon/sekolah dan hospital</p> <p>F30 Meningkatkan taraf hidup di bandar</p> <p>F31 Wujud jurang taraf hidup</p> <p>F32 Luar bandar dan imigran</p> <p>F33 Jepun membawa konsep Kawasan Kesemakmurran Asia</p> <p>F34 Menekankan kebebasan negara-negara Asia</p> <p>F35 Meningkatkan persaudaraan dalam kalangan negara</p> <p>F36 Jepun menggalakkan orang tempatan bekerjasama dengannya</p> <p>F37 Berjanji memberi kemerdekaan</p> <p>F38 Kesengsaraan hidup</p> <p>F39 Kekurangan makanan /ubat-ubatan</p> <p>F40 Kekejaman pentadbiran Jepun</p> <p>F41 Sebilangan penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan</p> <p>F42 Sama ada Kuasa Barat atau Timur</p> <p>F43 Semua penjajah tetap zalim</p> <p>F44 Menekan kehidupan orang tempatan</p> <p>F45 Malayan Union diperkenalkan oleh British</p> <p>F46 Tentangan orang Melayu jelas</p> <p>F47 Tidak mahu dijajah oleh sesiapa lagi</p>	
3	<p><b>Terangkan peranan Gerakan Islah terhadap kesedaran nasionalisme penduduk di Tanah Melayu.</b></p> <p>F1 Gerakan Islah berusaha mendorong masyarakat melayu membetulkan pandangan mereka terhadap islam</p> <p>F2 Dikenali sebagai kaum muda</p> <p>F3 Dipimpin oleh Syed Tahir Jalaluddin</p> <p>F4 Syed Syeikh Al-Hadi</p> <p>F5 Dr Burhanuddin Al- Hilmi</p> <p>F6 Akhbar dan majalah kaum muda ialah Al- Imam</p> <p>F7 Neracha</p> <p>F8 Idaran Zaman</p> <p>F9 Pengasuh</p> <p>F10 Memajukan ekonomi /pendidikan /politik orang Melayu</p> <p>F11 Menyemai sikap mengkritik penjajah</p>	15

	<p>F12 mengkritik raja dan pembesar</p> <p>F13 Bergerak hanya di negeri-negeri Selat sahaja</p> <p>F14 Undang-undang di Negeri-negeri Melayu menghalang pengaruh</p> <p>F15 Undang-undang tidak membenarkan sebarang kegiatan tanpa kebenaran sultan</p> <p>F16 Undang-undang tidak membenarkan risalah dan buku-buku kaum muda di bawa masuk ke negeri-negeri Melayu</p> <p>F17 Menubuhkan madrasah</p> <p>F18 Sistem pendidikan Islam merangkumi dunia dan akhirat</p> <p>F19 Seperti Fardu Ain, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris</p> <p>F20 Memberi peluang kepada golongan wanita untuk mendapatkan pendidikan</p> <p>F21 Ditentang oleh kaum Tua</p>	
4	<p><b>Bagaimanakah cara untuk memupuk semangat nasionalisme dikalangan rakyat Malaysia?</b></p> <p>F1 mengadakan rumah terbuka semasa perayaan</p> <p>F2 mengadakan asrama 1 Malaysia</p> <p>F3 menghayati dan mengamalkan Rukun Negara</p> <p>F4 memberi bantuan Baucer Buku 1 Malaysia kepada pelajar</p> <p>F5 bantuan perumahan 1 Malaysia kepada rakyat yang kurang berkemampuan</p> <p>F6 mengadakan gotong-royong komuniti 1 Malaysia</p> <p>F7 melibatkan semua kaum dalam setiap aktiviti yang dianjurkan</p> <p>F8 Rumah Terbuka perayaan 1 Malaysia</p> <p>F9 memberikan Lesen Teksi Persendirian 1 Malaysia</p> <p>F10 memberikan Baucer RM5000 untuk pembelian teksi baharu.</p> <p>F11 memberi bantuan awal Persekolahan 1 Malaysia</p> <p>F12 menu 1 Malaysia</p> <p>F13 memberikan Komputer 1 Malaysia</p> <p>F14 Kedai Rakyat 1 Malaysia</p> <p>F15 Koop 1 Malaysia</p> <p>F16 Klinik 1 Malaysia</p> <p>F17 Tuisyen Rakyat 1 Malaysia ( Mana-mana jawapan yang munasabah)</p>	15
5	<p><b>Peranan kerajaan Malaysia dalam mengekalkan kemerdekaan Negara?</b></p> <p>F1 Menguatkuasakan undang-undan</p> <p>F2 Mengawal sempadan Negara daripada dicerobohi musuh</p>	10

	<p>F3 Memodenkan angkatan tentera  F4 Memodenkan peralatan angkatan tentera  F5 Meningkatkan ekonomi Negara  F6 Membanyakkan kemudahan dan prasarana awam  F7 Meningkatkan pendidikan  F8 Mengukuhkan perpaduan rakyat  F9 Menghalang kemasukan pendatang asing secara haram  F10 Mengawal pintu masuk Negara  ( Mana-mana jawapan munasabah)</p>	
6	<p>Jelaskan cabaran yang dihadapi Malaysia dalam usaha menyemai semangat nasionalisme dikalangan remaja.</p> <p>F1 Budaya negatif  F2 Buta sejarah, mengambil ringan tentang jasa tokoh-tokoh silam  F3 Terpengaruh dengan dakyah –dakyah pihak yang memecah-belahkan perpaduan kaum  F4 Pendedahan secara langsung kepada budaya barat  F5 Kurangnya penguasaan ilmu dalam kalangan remaja  ( Mana-mana jawapan yang munasabah )</p> <p>Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran tersebut</p> <p>F1 Menghindari budaya negatif  F2 Memperkasakan perpaduan bangsa  F3 Mengamalkan budaya bangsa  F4 Menguasai segala bidang ilmu pengetahuan dan kemahiran  F5 Memelihara jati diri  ( Mana-mana jawapan yang munasabah )</p>	10
7	<p>Nyatakan nilai-nilai murni dan ikhtibar yang diperolehi daripada semangat perpaduan antara kaum di negara kita.</p> <p>F1 Kedaulatan negara tanggung jawab rakyat  F2 Sanggup berkorban untuk negara  F3 Berani menentang musuh negara  F4 Perpaduan penting dalam perjuangan  F5 Pemimpin perlu berwibawa  F6 Ilmu tunjang kekuatan negara  F7 Tabah dalam perjuangan  F8 Teknologi penting untuk keselamatan negara  F9 Rancangan negara mestilah strategik  F10 Pertahanan negara perlu kukuh  ( Mana-mana jawapan yang munasabah )</p>	10

8	<p>Rumusan</p> <p>F1 Akhbar, majalah novel menjadi alat penyebaran idea semangat kebangsaan</p> <p>F2 Sistem pendidikan telah membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat tempatan</p> <p>F3 Kemunculan persatuan negeri serta badan sosial dan sastera menyebabkan semangat nasionalisme lebih teratur dan mempunyai objektif yang jelas</p> <p>F4 Semua kegiatan nasionalisme berfokus pada matlamat orang melayu ingin merdeka</p> <p>F5 Semangat nationalisme harus dipunyai oleh generasi hari ini. ( Mana-mana jawapan yang munasabah.)</p>	5
---	---	---

## **BAB 3 : KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA**

**Terhad**

### **Tajuk Umum Tugasan**

#### **Tajuk 11.1 - Kesedaran tentang Pembinaan Negara dan Bangsa**

Tema / Tajuk : 11.1 Bab 3 Tingkatan 5

(Merujuk tema 11 Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 3)

Berdasarkan tajuk di atas calon dikehendaki melaksanakan tugasan berikut;

- I. Membuat rujukan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber seperti buku teks, buku ilmiah, akhbar majalah, risalah, internet dan lain-lain.
- II. Pada hari peperiksaan, calon dibenarkan membawa masuk buku teks, buku ilmiah dan bahan bercetak yang berkaitan ke dalam bilik peperiksaan.
- III. Bahan tersebut boleh digunakan sebagai rujukan untuk menjawab soalan.

## Tajuk 11 : Kesedaran Pembinaan Negara dan Bangsa

(Merujuk tema 11 Huraian Sukatan Pelajaran dan buku teks Sejarah Tingkatan 5 Bab 3)

### Soalan :

**Terangkan keunikan sistem pentadbiran pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dan kaitkannya dengan kegemilangan Malaysia pada masa kini.**

*Peringatan;*

*Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan di bawah.*

Format	Aspek	Perincian	Markah Penuh
Pengenalan	<b>Memahami latar belakang negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.</b>	<b>1. Pengenalan</b> Jelaskan asas pembentukan negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.	5 Markah
Isi dan Huraian	<b>Memahami ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.</b>	<b>2. Ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka</b> Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.	30 Markah
	<b>Menganalisis warisan Kesultanan Melayu Melaka.</b>	<b>3. Warisan zaman Kesultanan Melayu Melaka di Negeri-negeri Melayu.</b> Terangkan warisan Kesultanan Melayu Melaka dalam aspek pentadbiran di negeri Kelantan.	15 Markah
	<b>Mengaplikasi sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu terhadap sistem pentadbiran negara masa kini.</b>	<b>4. Faedah-faedah transformasi terhadap pentadbiran negara.</b> Apakah faedah yang anda nikmati hasil transformasi pentadbiran yang dilaksanakan ketika ini?	15 Markah

	<b>Menilai kejayaan Malaysia dalam bidang pentadbiran.</b>	<b>5. Sistem pentadbiran negara membawa kejayaan kepada Malaysia di peringkat antarabangsa.</b>  Berdasarkan pengetahuan anda, mengapakah negara Malaysia dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa	10 Markah
	<b>Mencipta/menjana idea untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.</b>	<b>6. Cabaran dan langkah menjadikan Malaysia sebuah negara maju.</b>  i. Jelaskan cabaran yang dihadapi Malaysia dalam memajukan negara. (5m)  ii. Nyatakan langkah-langkah untuk mengatasi cabaran di atas. (5m)	10 Markah
	<b>Menghayati nilai-nilai murni/ikhtibar/patriotism daripada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka demi memajukan Malaysia.</b>	<b>7. Penerapan nilai-nilai murni/ikhtibar/patriotism daripada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka demi memajukan Malaysia.</b>  Nyatakan nilai-nilai murni/ikhtibar/patriotism daripada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka yang boleh diteladani demi kemajuan Malaysia.	10 Markah
